

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PERCERAIAN SECARA *FASAKH* MENURUT HUKUM SYARAK

1.1 Pendahuluan

Urusan kekeluargaan dan keharmonian hidup berkeluarga adalah salah satu perkara yang dipandang penting dalam Islam. Oleh kerana itu, sebarang masalah yang boleh menggugat kebahagiaan keluarga hendaklah diatasi sebaik mungkin. Ini bertujuan agar kesejahteraan hidup berkeluarga dapat dipertahankan. Namun begitu apabila semua usaha sudah dilakukan tetapi perkahwinan tersebut sudah tidak dapat diselamatkan lagi maka Islam tetap membenarkan agar ikatan tersebut ditamatkan.

Terdapat beberapa kaedah perceraian yang dibenarkan dalam Islam. Cara yang paling dianjurkan adalah berpisah secara baik iaitu suami melafazkan *talāq* dan menceraikan isteri secara *ma'rūf*. Selain dari itu kaedah perceraian yang dibenarkan adalah perceraian *ta'liq*, perceraian secara *khulu'* dengan persetujuan kedua pihak suami dan isteri dan juga perceraian dengan menggunakan kuasa Mahkamah yang dipanggil sebagai *fasakh*.

1.2 Definisi *Fasakh*

Dari segi bahasa, perkataan *fasakh* diertikan sebagai batal ataupun bubar.¹ Apabila kalimah ini disandarkan kepada pernikahan atau disebut *fasakh al-nikāh*, ia membawa maksud membatalkan atau membubarkan ikatan pernikahan di antara seorang suami dengan isterinya dengan berlandaskan sebab-sebab tertentu yang menghalang kekalnya perkahwinan tersebut.²

Pengertian kepada perkataan *fasakh al-nikāh* sukar ditemui di dalam buku-buku tulisan *fuqahā'* silam. Kebanyakan mereka terus membincangkan tentang sesuatu alasan sama ada ianya boleh diterima sebagai perceraian *ṭalāq* ataupun *fasakh*. Sebagai satu contoh, Ibn 'Ābidīn dalam bukunya *Hāsyiyah Radd al-Muḥtār* menyebut, suami yang fakir atau tidak mengirinkan khabar kepada isterinya tidak boleh dijadikan alasan untuk diberi *fasakh*. Beliau tidak memberikan apakah pula yang dimaksudkan dengan perkataan *fasakh* di sini.³ Perkara yang sama boleh dilihat di dalam buku *Hāsyiyah al-Dusūqī*⁴ dan juga *Mughnī al-Muḥtāj*.⁵

¹ Ibn Manzūr, 1994, *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, Juz. 3, hlm. 45

² Al-Sayyid Sābiq, 1988, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dār al-Kutub, Jld. 2, hlm. 268. Lihat juga Khallāf, 'Abd al-Wahhāb, 1990, *Ahkām al-Ahwāl al-Syakhsiyyah fī al-Sharī'ati al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qalām, hlm. 160

³ Ibn 'Ābidīn, *op.cit.*, hlm. 590

⁴ Al-Dusūqī, *op.cit.*, hlm. 510

⁵ Al-Syirbīnī, *op.cit.*, hlm. 442

1.3 Keharusan *Fasakh*

Pada dasarnya, peruntukan perceraian secara *fasakh* tidak dinyatakan secara terang di dalam al-Quran. Namun begitu prinsip tentang keharusannya boleh dilihat di dalam ayat 34 dan ayat 35 surah al-Nisā’.

Dalam ayat 34, Allah s.w.t. menunjukkan jalan agar para suami mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan rumahtangga mereka sekiranya isteri melakukan perkara yang tidak menepati syarak. Allah s.w.t. berfirman:

وَالَّتِي تَخَافُ مِنْ نُشُوزِهِنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاجْهَرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ
وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا

‘Wanita-wanita yang kamu khuatiri nusyūz nya maka nasihatilah mereka dan pisahkan diri dari tempat tidur mereka, dan pukullah mereka, kemudian jika mereka mentaatimu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya.’

Menurut Ibn Kathīr, ayat ini memberi jalan sekiranya berlaku masalah di antara suami isteri, tindakan segera hendaklah diambil untuk mententeramkan suasana dan menyelamatkan rumahtangga tersebut. Sekiranya perselisihan timbul kerana tindakan *nusyūz* isteri, maka suami hendaklah membetulkan isterinya dengan beberapa tindakan iaitu menasihatinya, kemudian meninggalkan tempat tidur dan

mengelakkan dari tidur bersamanya dan juga memukulnya dengan syarat pukulan yang tidak merbahaya.⁶

Begitu juga dengan al-Ṭabarī yang menyebut bahawa sekiranya rumahtangga yang dibina menghadapi masalah dan ia berpunca daripada sikap isteri yang *nusyūz*, maka hendaklah isteri tersebut diberi peringatan supaya kembali taat kepada Allah dan melaksanakan hak suami ke atasnya. Sekiranya isteri berlaku *nusyūz* dengan meninggalkan tempat tidur, maka hendaklah ditegur dengan kata-kata nasihat seperti, 'Bertakwalah kamu kepada Allah dan kembalilah ke katilmu.'⁷

Tindakan kedua jika isteri masih berlaku *nusyūz* selepas ditegur ialah suami meninggalkannya dan tidak melakukan persetubuhan bersama isterinya. Dalam keadaan ini, al-Ṭabarī mentafsirkan bahawa ada dua tindakan yang dibolehkan iaitu suami masih tidur bersama isteri di atas katil yang sama tetapi tidak melakukan *jima'* dan juga suami meninggalkan isterinya iaitu tidak tidur bersama tetapi masih berada dalam ruang lingkup rumah yang didiami oleh pasangan terbabit. Sekiranya selepas dua tindakan dilakukan tetapi isteri masih tetap berlaku *nusyūz*, maka tindakan seterusnya ialah suami boleh memukul isterinya dengan pukulan yang tidak mencederakannya sehinggalah si isteri berubah dan kembali taat kepada Allah

⁶ Ibn Kathīr, t.t., *Mukhtaṣār Tafsīr Ibn Kathīr*, Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, hlm. 386

⁷ Al-Ṭabarī, 1968, *Jamī' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān*, Mesir: Maktabah Mustafā al-Ḥalabī, Juz. 5, hlm. 62

dan suaminya. Tetapi sekiranya isteri sudah kembali taat maka suami tidak lagi boleh mengambil tindakan seperti dinyatakan di atas.⁸

Tafsiran yang sama turut dipersetujui oleh al-Jaṣṣāṣ, seorang pengikut mazhab Ḥanafī di mana beliau menyatakan melalui ayat ini Allah memberi panduan bahawa isteri wajib mentaati suaminya dan tidak melakukan sebarang tindakan yang boleh membawa kepada *nusyūz*. Manakala suami pula diarahkan agar bergaul mesra dan melayan isterinya dengan baik serta membetulkannya apabila isteri tersebut melakukan sesuatu perkara *nusyūz*.⁹

Para *mufasssirīn* di atas telah cuba untuk menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan hubungan baik di antara pasangan suami isteri. Sebarang masalah perlu diselesaikan agar hubungan pernikahan dapat dipertahankan. Akan tetapi ayat di atas hanya merujuk kepada masalah yang berpunca daripada pihak isteri sahaja. Bagaimana pula jika segala permasalahan berpunca daripada kedua-dua belah pihak suami dan isteri ataupun berpunca daripada pihak suami? Apakah yang harus dilakukan untuk menyelesaikannya?

Menurut Ibn Kathīr, Ayat 34 di atas sebenarnya adalah berkait rapat dengan ayat 35 surah yang sama di mana Allah s.w.t. telah berfirman:

⁸ Al-Ṭabarī, *ibid*, hlm. 63-67

⁹ Al-Jaṣṣāṣ, 1992, *Ahkām al-Qurān*, Beirut: Muassasah al-Tarikh al-'Arabī, Juz. 2, hlm. 69

وان خفتم شقاق بينهما فابعثوا حكما من اهله وحكما
من اهلها ان يريدوا اصلاحا يوفق الله بينهما

'Dan jika kamu khawatirkan ada perbalahan antara keduanya, maka kirimlah dari keluarga lelaki dan dari keluarga perempuan. Jika keduanya bermaksud mengadakan pembaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu.'

Kedua-dua ayat di atas secara umumnya memberi panduan bagaimana sesuatu tindakan patut diambil apabila berlakunya perselisihan dalam sesebuah keluarga. Sekiranya permasalahan timbul berpunca daripada sikap isteri yang *nusyūz* maka suami hendaklah mengubah dan mendidik isteri sebagaimana dinyatakan dalam perbicangan ayat 34 di atas. Tetapi sekiranya perselisihan berpunca daripada kedua-dua pihak maka *hakām* atau wakil dari setiap pihak hendaklah dilantik dan mereka adalah pihak yang diamanahkan untuk mendamaikan pasangan tersebut.¹⁰

Al-Ṭabarī menyebut bahawa para ahli *ta'wīl* berselisih pendapat dalam memutuskan kepada siapakah ayat ini ditujukan? Setengah daripada mereka berpendapat bahawa ayat ini ditujukan kepada pemerintah yang mana kepada pihaknya apa-apa perselisihan yang berlaku diketengahkan. Maka pemerintahlah yang bertanggungjawab melantik *hakām* dari kedua belah pihak untuk menyelesaikan

¹⁰ Ibn Kathīr, *op.cit.*, hlm. 387

perselisihan itu. Manakala setengah ahli *ta'wīl* yang lain berpendapat ayat ini ditujukan kepada suami dan isteri yang berselisih itu supaya mereka mengambil keputusan melantik *hakām* untuk menyelesaikan masalah mereka.¹¹ Menurut al-Qurṭubī pula, pendapat pertama di atas adalah pendapat yang dipegang oleh *jumhūr* ulama iaitu ayat ini sebenarnya ditujukan kepada pemerintah dan juga para hakim.¹²

Apakah *hakām* yang dilantik mesti tertentu kepada ahli kerabat kedua pihak pasangan yang berselisih sahaja? Menurut al-Šābūnī kedua *hakām* hendaklah dipilih daripada kerabat pasangan tersebut sebab mereka lebih mengenali pasangan terlibat, lebih memahami masalah yang dihadapi dan lebih mengharapkan agar pasangan tersebut kembali berdamai. Lagipun pasangan yang berselisih akan lebih tenteram jiwanya dalam berbincang sama ada untuk memberitahu sama ada masih ingin hidup bersama ataupun memilih untuk bercerai. *Hakām* itu pula akan bercakap mengenai perkara ini dengan kerabat mereka sahaja menyebabkan ia tidak akan tersebar kepada orang luar yang bukan kerabat pasangan.¹³

Pendapat yang sama dipersetujui oleh al-Qurṭubī iaitu *hakām* haruslah

¹¹ Al-Ṭabarī, *op. cit.*, hlm. 71

¹² Al-Qurṭubī, 1988, *al-Jāmi' li al-Ahkām al-Qurān*, Beirut: Dār al-Kutub, hlm. 175

¹³ Lihat al-Šābūnī, 1987, *Tafsīr Ayāt al-Ahkām Min al-Qurān*, (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka al-Azhar, Jld. 1, hlm. 823

dilantik dari kalangan pasangan yang terlibat. Tetapi sekiranya tidak terdapat ahli keluarga pasangan yang boleh dilantik, maka *hakām* hendaklah dilantik dari kalangan dua orang yang adil dan berilmu.¹⁴

Peranan *hakām* yang dilantik adalah untuk menyelesaikan perselisihan di antara suami dan isteri sehingga berjaya mencapai kedamaian atau membawa *iṣlah*. Dalam konteks ini tindakan *hakām* boleh membawa kepada dua keadaan. Pertama, hubungan pasangan tersebut berjaya diselamatkan dan didamaikan sehingga tiada lagi pertikaian. Kedua, hubungan mereka sudah tidak dapat diselamatkan dan hanya perpisahan sahaja jalan penyelesaiannya. Dalam hal ini, Ibn Kathīr menyatakan bahawa kedua-dua *hakām* yang dilantik hendaklah menyatukan kembali pasangan suami isteri yang berselisih sebaik mungkin dan mereka juga berhak untuk memisahkan pasangan tersebut walaupun tanpa izin daripada suami atau isteri sekiranya mereka berpendapat tindakan tersebut adalah perlu.¹⁵

Namun begitu pendapat ini tidak dipersetujui oleh al-Ṭabarī di mana menurutnya kedua-dua *hakām* hanya dibenarkan merancang dan berusaha untuk membaikkkan pasangan tersebut sahaja dan tidak mempunyai kuasa untuk menceraikan pasangan terlibat.¹⁶

¹⁴ Al-Qurṭubī, *op.cit.*, hlm. 179

¹⁵ Ibn Kathīr, *op.cit.*, hlm. 387

¹⁶ Al-Ṭabarī, *op.cit.*, hlm. 72

Pendapat Ibn Kathīr dilihat hampir sama sebagaimana yang dipegang oleh mazhab Mālikī iaitu mereka mengatakan bahawa *ḥakām* yang dilantik adalah berdasarkan kuasa pemerintah ataupun hakim. Hakim memutuskan kes tanpa meminta persetujuan kedua pihak yang bertikai. Oleh itu sekiranya pasangan tersebut sudah tidak boleh didamaikan dan perpisahan adalah jalan yang terbaik maka *ḥakām* berhak membuat perintah perceraian walaupun kedua pasangan suami dan isteri tidak bersetuju terhadap keputusan tersebut.¹⁷

Pendapat yang sama boleh diperhatikan di dalam tafsir *al-Azhār* karangan seorang ulama Asia yang terkenal iaitu Prof. Hamka di mana beliau menyatakan bahawa berdasarkan ayat ini dan amalan para sahabat r.a, *ḥakām* mempunyai kuasa penuh ke atas hubungan perkahwinan yang bermasalah. Jika mereka berpendapat perceraian pada waktu itu adalah keputusan yang terbaik maka ia dianggap satu usaha untuk membawa kebaikan kepada kedua belah pihak suami dan isteri. Maka atas dasar itu ia juga termasuk dalam kategori *iṣlah*. Perpisahan yang dilakukan oleh *ḥakām* ini dipanggil sebagai *fasakh*.¹⁸ Justeru itu walaupun ayat di atas tidak menyebut secara langsung tentang peruntukan *fasakh*, tetapi ia telah menjadi hujjah bahawa ayat tersebut telah menyentuh secara tidak langsung tentang keharusan perlaksanaan *fasakh* di dalam urusan perkahwinan umat Islam.

¹⁷ Al-Dusūqī, *op.cit.*, hlm. 344

¹⁸ Prof. Hamka, 1990, *Tafsīr al-Azhār*, Singapura: Pustaka Nasional, Jld. 3, hlm. 1204

Keharusan *fasakh* ini juga didasarkan kepada larangan melakukan kemudaratan sepertimana disabdakan oleh Rasūlullāh s.a.w. iaitu: ¹⁹

لا ضرر ولا ضرار

'Tidak memudaratkan dan tidak dimudaratkan'.

Menurut pendapat al-Suyūṭī dan Ibn Nujāym, dalam hadith ini Rasulullah s.a.w. telah menyentuh tentang larangan membawa mudarat atau melakukan *ḍarār* ke atas orang lain dan juga larangan membiarkan kemudaratan berlaku. Hadith di atas kemudiannya diterima sebagai satu kaedah *fiqh* dalam memahami peruntukan hukum syarak. Ia berkait rapat dengan kaedah *fiqh* yang lain iaitu: ²⁰

الضرر يزال

'Kemudaratan hendaklah dihilangkan'

Kaedah *fiqh* ini menurut Ibn Nujāym memberi ruang bertindak kepada banyak perkara seperti membenarkan *khiyār* dalam proses jual beli apabila barang yang dibeli mempunyai keaiban atau kecacatan. Ini kerana aib pada barang adalah satu

¹⁹ Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās dan 'Ubādah ibn Ṣamit, disandarkan kepada Ibn Majah dan Dār al-Qatni, dinilai sahih menurut Nasiruddin al-Bani, *Sahih Jami' al-Saghir* bilangan 7517. Lihat juga al-Suyūṭī, 1938, *Asybah wa al-Nazair fi Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Syāfi'iyyah*, Mesir: Mustafa al-Bābi al-Ḥalabī, hlm. 84. Lihat juga Ibn Nujāym, 1968, *Asybah wa al-Nazair 'alā Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*, Kaherah: Muassasah al-Ḥalabī, hlm. 85. Lihat juga al-Zarqā', al-Sheikh Ahmad ibn al-Sheikh Muhammad, 1989, *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dār al-Qalām, Cetakan 3, hlm. 125

²⁰ Lihat al-Suyūṭī, *ibid*, hlm. 85, Ibn Nujāym, *ibid*, hlm. 86, al-Zarqā', *ibid*, hlm. 179

kemudharatan kepada pembeli dan kemudharatan tersebut hendaklah dibuang. Begitu juga dengan kewajipan menolong orang lain yang dikenakan gangguan atau terkena mudarat, hendaklah kemudharatan yang dihadapinya dibuang dan dia diselamatkan daripada keadaan yang tidak aman itu.²¹

Menurut al-Suyūṭī pula, kaedah *fiqh* ini juga memberi ruang bertindak untuk menuntut *fasakh* dalam urusan perkahwinan yang mengandungi unsur-unsur *ḍarār* ke atas satu pihak yang lain sama ada kerana keaiban ataupun salah laku pasangannya. Ini kerana ia dianggap satu kemudharatan dan pasangan yang menjadi mangsa itu hendaklah diselamatkan dari menanggung kemudharatan tersebut. Oleh kerana itu ikatan tersebut dibenarkan untuk *difasakhkan*.²²

Al-Zarqā' pula menambah bahawa sekiranya berlaku keadaan di mana ada perkara yang menyebabkan kemudharatan dan kesusahan kepada seseorang, maka perkara tersebut hendaklah dibawa kepada hakim untuk diselesaikan.²³ Ini bermakna pihak yang menanggung kesusahan atau menjadi mangsa hendaklah membuat pengaduan ke muka pengadilan dan kemudian dengan perintah hakim barulah pihak yang terkena mudarat itu boleh dipisahkan. Ini menunjukkan kuasa hakim adalah satu perkara penting dalam menyelesaikan kes-kes sebegini.

²¹ Ibn Nujāym, *ibid*, hlm. 85-86

²² Al-Suyūṭī, *op.cit.*, hlm. 85

²³ *ibid*

Menurut Syeikh ‘Alī Ḥasb Allāh, apabila isteri membuat pengaduan ke hadapan hakim tentang tindakan suaminya yang tidak menggaulinya dengan wajar dan menyebabkan wujud *ḍarār* ke atas isteri, maka Allah memberi hak kepada hakim untuk mengangkat *ḍarār* tersebut dengan memerintahkan pasangan itu dipisahkan. Kuasa hakim untuk memisahkan pasangan ini terbina di atas konsep *wilāyah ‘ām* seseorang hakim. Ini bermaksud, hakim mempunyai hak dan kuasa untuk menyelamatkan dan mengangkat *ḍarār* yang dihadapi oleh semua orang termasuklah kaum isteri yang teraniaya dari terus dizalimi oleh suaminya.²⁴

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kesemua dalil dan pendapat para ulama di atas menunjukkan bahawa walaupun peruntukan *fasakh* tidak dinyatakan secara terang di dalam al-Qurān dan al-Sunnah, namun ia tetap menjadi hujjah bahawa prinsip keharusan *fasakh* telah diperuntukkan secara tidak langsung untuk diamalkan dan diterimapakai demi kebajikan hidup manusia keseluruhannya.

1.4 Pembahagian *Fasakh*

Fasakh boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, pembubaran yang berlaku secara serta-merta tanpa memerlukan campurtangan hakim dan yang kedua, pembubaran yang berkehendakkan keputusan hakim.²⁵

²⁴ ‘Alī Ḥasb Allāh, 1968, *al-Furqah Bain al-Zawjāyn*, Kaheerah: Dār al-Aḥad al-Jadīd, hlm. 119

²⁵ ‘Alī Ḥasb Allāh, *ibid*, hlm. 119. Lihat juga Khallāf, *op.cit*, hlm.167

Fasakh yang tidak memerlukan kuasa hakim adalah di dalam kes yang jelas faktornya tanpa memerlukan sebarang penyiasatan atau pengadilan di mahkamah seperti perkahwinan dengan saudara susuan, perkahwinan sesama adik beradik, salah seorang murtad dan lain-lain. Sebagai satu contoh, di dalam *Radd al-Muhtār*, Ibn ‘Ābidīn ada menyebut bahawa sekiranya salah seorang menjadi murtad sedangkan seorang lagi adalah muslim maka pernikahan mereka adalah *terfasakh* secara serta merta. Ia tidak mengurangkan bilangan *talāq* dan tidak memerlukan campurtangan hakim untuk membuat keputusan terhadap perkara tersebut.²⁶

Fasakh yang memerlukan keputusan hakim adalah di dalam kes-kes tertentu yang tidak begitu jelas dan boleh dinafikan oleh pihak yang dikatakan terlibat dengan alasan tersebut. Contohnya seorang isteri mendakwa suaminya gagal menyempurnakan nafkah, pihak suami mempunyai hak untuk menafikan atau mempertikaikan tuduhan tersebut. Atas dasar itulah maka ia perlu di bawa ke hadapan hakim yang arif untuk menyelesaikan kes ini. Oleh kerana itulah maka di sisi para *fuqahā*’ seperti al-Syirbīnī dari mazhab Syāfi’ī,²⁷ al-Dusūqī dari mazhab Mālikī²⁸ dan Ibn Qudāmah dari mazhab Ḥanbalī,²⁹ semuanya berpendapat bahawa dakwaan isteri hendaklah diputuskan oleh pihak hakim selepas isteri membawa pengaduannya ke mahkamah. Dalam kes sebegini hakim adalah pemutus selepas penelitian dan

²⁶ Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, hlm. 193

²⁷ Al-Syirbīnī, *op.cit.*, hlm. 444

²⁸ Al-Dusūqī, *op.cit.*, hlm. 510

²⁹ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hlm. 365

siasatan diadakan. Ketika ini, perpisahan tidak akan berlaku serta merta kecuali selepas campurtangan hakim. Contoh-contoh yang lain adalah seperti suami mati pucuk, isteri didera secara fizikal, suami menghilangkan diri tanpa sebarang nafkah dan lain-lain sebab lagi.³⁰

Di dalam kajian ini, penulis hanya akan mengkhususkan perbahasan kepada peruntukan *fasakh* jenis kedua iaitu yang memerlukan campurtangan hakim sebelum ia disabitkan di antara sepasang suami isteri. Pembubaran secara automatik atau *fasakh* jenis pertama tidak akan disentuh di dalam kajian ini kerana ia tidak termasuk dalam skop kajian penulis.

1.5 Kedudukan Kuasa Hakim

Secara umumnya dalam banyak keadaan yang melibatkan tuntutan *fasakh*, campurtangan hakim adalah sesuatu yang sangat perlu dan dilihat sebagai unsur terpenting di dalam perlaksanaan perceraian secara *fasakh* ini.

Atas dasar itu, maka sesetengah ulama ada yang meletakkan perbahasan tentang perceraian *fasakh* ini di bawah satu tajuk khusus iaitu pembubaran pernikahan

³⁰ Lihat bab dua kajian yang sama

di bawah kuasa hakim. Ini boleh dilihat contohnya dalam tulisan Dr. Muḥammad Abū Zuhrah³¹ yang telah menggunakan istilah *al-Ṭalāq bi al-Ḥukm al-Qāḍī* dan juga Dr. Waḥbah al-Zuhaylī³² yang meletakkannya di bawah tajuk *al-Tafrīq al-Qaḍā'ī*. Begitu juga dengan ilmuan dewasa ini seperti Dr. 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad Abū al-Ḥusaynī³³ yang turut meletakkan peruntukan ini di bawah tajuk *al-Tafrīq bi Ḥukm al-Qāḍi*. Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān³⁴ pula tidak menggunakan perkataan berkaitan kuasa hakim tetapi membahagikan perbahasannya kepada *al-Tafrīq li al-Ḍarār*, *al-Tafrīq li Adam al-Infāq* dan *al-Tafrīq li Ghaybah al-Zawj*. Namun begitu beliau menyatakan bahawa kesemuanya memerlukan kuasa hakim untuk memutuskan perkara yang diperselisihkan di antara pasangan yang terlibat.

Pembahagian secara formal ini tidak terdapat di dalam kitab-kitab para ulama silam. Mereka tidak meletakkan tajuk yang khusus tetapi membahaskan peruntukan *fasakh* ini secara berselerak. Contohnya Ibn Rusyd membincangkan perkara ini di bawah tajuk *Khiyār al-Nikāh*.³⁵ Al-Dusūqī juga membahaskannya di bawah tajuk umum *Faṣl fī Khiyār Aḥad al-Zawjāyn*.³⁶ Al-Syirbīnī pula membahaskannya di bawah tajuk *Kitāb al-Nikāh* dan juga di bawah tajuk *Kitāb al-Nafaqah*.³⁷ Begitu juga

³¹ Abū Zuhrah, 1957, *al-Aḥwāl al-Syakṣiyyāh*, Beirut: Dār al-'Arabī, hlm. 367

³² Al-Zuhaylī, Waḥbah, 1989, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, Beirut: Dār al-Fikr, Juz 7, hlm. 509

³³ 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad Abū al-Ḥusaynī, 1992, *al-Islām wa al-Uṣrah, Dirāsah Muqāranah fī Ḍaw'ī al-Madhahib al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Al-Farmāwī, Juzu' 2, hlm. 324-379

³⁴ 'Abd al-Karīm Zaydān, 1994, *al-Mufaṣṣal*, Beirut: Muassasah al-Risālah, Juzu' 8, hlm. 485-493

³⁵ Ibn Rusyd, *op.cit.*, Juzu' 2, hlm. 38

³⁶ Al-Dusūqī, *op.cit.*, hlm. 277

³⁷ Al-Syirbīnī, *op.cit.*, hlm. 203 dan 425

dengan Ibn Qudāmah yang membahaskan perkara ini di bawah tajuk umum iaitu *Bāb al-Nikāh*.³⁸

Mereka semua tidak meletakkan peruntukan ini di bawah tajuk khusus iaitu pembubaran menggunakan kuasa hakim sebagaimana ulama *mutaakhirīn* tetapi dalam perbahasan mereka, ada dinyatakan tentang kuasa hakim sebagai pihak pemutus yang membuat perintah dan keputusan di dalam kes-kes tersebut.

Apa yang boleh disimpulkan dari tindakan para ulama kini ialah mereka sebenarnya bukanlah bertindak bertentangan dengan perbincangan ulama klasik tetapi sebaliknya membawa pembaharuan dengan cara mengambil kesemua yang dibahaskan dan menyeragamkannya di bawah satu tajuk yang khusus. Penyusunan secara sistematik ini sebenarnya adalah suatu jasa yang besar dan sangat dihargai oleh semua pengkaji baru yang ingin mendalami peruntukan ini. Ini kerana usaha mereka itu telah memudahkan kita semua mencari maklumat serta lebih memudahkan lagi pemahaman terhadap peruntukan perceraian secara *fasakh* ini.

1.6 Perbezaan Di antara *Ṭalāq* dan *Fasakh*.

Walaupun kedua-dua kaedah atau metod perceraian ini mempunyai tujuan

³⁸ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hlm. 56

yang sama iaitu untuk memutuskan hubungan perkahwinan di antara pasangan suami dan isteri, tetapi sebenarnya terdapat banyak perbezaan di antara keduanya. Perbezaan di antara keduanya adalah seperti berikut:

1.6.1 Perbezaan Dari Segi Takrif.

Perkataan *ṭalāq* dari segi bahasa diertikan sebagai ‘melepaskan’ atau ‘menguraikan ikatan’.³⁹ Dari segi istilah pula, Ibn ‘Ābidīn menyatakan bahawa *ṭalāq* bermaksud, ‘menguraikan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz *ṭalāq* sama ada secara *bā’in* ataupun *raj’ī*’.⁴⁰ Ibn Qudāmah dan al-Dusūqī pula menyatakan bahawa *ṭalāq* adalah ‘menguraikan ikatan pernikahan’.⁴¹ Manakala di sisi mazhab Syāfi’ī pula perkataan *ṭalāq* diertikan sebagai, ‘menguraikan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz *ṭalāq* atau yang seumpamanya’.⁴²

Sebagaimana yang dijelaskan di bawah tajuk definisi *fasakh* sebelum ini, perkataan *fasakh* mempunyai pengertian yang berbeza daripada perkataan *ṭalāq*. Ibn Manzūr mengatakan *fasakh* bermaksud ‘membubarkan atau membatalkan’.⁴³ Sayyid Sābiq mendefinisikan *fasakh al-nikāh* sebagai membatalkan atau membubarkan

³⁹ Ibn Manzūr, *op.cit.*, Juz 5, hlm.45

⁴⁰ Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, Jld. 3, hlm. 226

⁴¹ Al-Mughnī, *op.cit.*, Jld. 7, hlm. 296. Lihat juga al-Dusūqī, *op.cit.*, hlm. 347

⁴² Al-Syirbīnī, *op.cit.*, hlm. 279

⁴³ Ibn Manzūr, *op.cit.*, hlm.45

ikatan pernikahan di antara suami dan isterinya dengan berlandaskan sebab-sebab tertentu yang menghalang kekalnya perkahwinan tersebut.⁴⁴

Dapat disimpulkan bahawa secara umum kedua-dua kaedah perceraian ini mempunyai maksud yang sama iaitu memutuskan ikatan perkahwinan tetapi perbezaannya adalah perceraian secara *fasakh* akan membatalkan atau membubarkan ikatan perkahwinan sedangkan *talāq* tidak membatalkan ikatan perkahwinan tetapi hanya melarang dari berterusannya kesan dari ikatan tersebut.⁴⁵

1.6.2 Perbezaan Dari Segi Kuasa Menceraikannya

Talāq hanya dianggap sah apabila ia dilafazkan atau dijatuhkan oleh suami kepada perempuan yang dicerai sahaja atau orang yang diwakilkannya sahaja. Orang lain tidak mempunyai hak untuk melafazkannya. Malahan jika dilakukan sekalipun syarak tidak mengiktirafkannya.⁴⁶

Dalam sesetengah situasi *fasakh* boleh terus terlaksana walaupun belum diputuskan oleh hakim seperti apabila salah seorang murtad, perkahwinan sesama adik beradik dan sebagainya. Tetapi kebanyakannya melibatkan kuasa hakim yang

⁴⁴ Sayyid Sābiq, *op.cit*, hlm. 268

⁴⁵ Lihat *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 1995, Kuwait: Wizārah al-Auqāf wa al-Syuu'n al-Islāmiyyah, Juz. 32, hlm. 132

⁴⁶ Al-Syirbīnī, *op.cit*, hlm. 279

menjatuhkan hukuman selepas membicarakan permohonan isteri walaupun tanpa persetujuan suaminya.⁴⁷ Hak untuk mengambil tindakan membubarkan perkahwinan ini terbina di atas konsep *wilāyah 'ām* seorang hakim ke atas seluruh manusia di mana hakim bertanggungjawab mengangkat kemudharatan yang berlaku ke atas salah satu pihak yang berakad apabila berlaku sebab-sebab tertentu.⁴⁸ Contohnya apabila suami mengalami kecacatan atau keaiban, hakim membubarkan perkahwinan mereka secara *fasakh* tanpa menggunakan sebarang lafaz cerai dan pemisahan tersebut adalah sah walaupun suami tidak menyetujuinya.⁴⁹

1.6.3 Perbezaan Dari Segi Kuasa Rujuk

Talāq boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *talāq raj'ī* dan *talāq bā'in*. Jika *talāq raj'ī*, suami masih boleh merujuk isteri yang diceraikan semasa dalam *'iddah* tanpa memerlukan akad nikah yang baru. *Talāq bā'in* pula terbahagi kepada dua iaitu *bā'in sughrā* dan *bā'in kubrā*. Jika isteri di *talāq* dengan *talāq bā'in sughrā*, suami tidak boleh merujuk isterinya tetapi hanya boleh berkahwin dengan akad yang baru. Manakala jika isteri diceraikan dengan *talāq bā'in kubrā* pula, suami tidak boleh berkahwin dengan isterinya walaupun setelah tamat tempoh *'iddah* kecuali apabila si isteri telah berkahwin dengan lelaki lain, telah melakukan persetubuhan dan

⁴⁷ Lihat pandangan mazhab Syāfi'ī di dalam *Mughnī al-Muhtāj*, *op.cit.*, hlm. 202 dan pendapat mazhab Hanbalī dalam *al-Mughnī*, *op.cit.*, hlm. 56

⁴⁸ Lihat perkara ini dalam halaman 12 bab yang sama

⁴⁹ Lihat 'Alī Ḥasb Allāh, *op.cit.*, hlm. 118-119. Lihat juga Khallāf, *op.cit.*, hlm. 167. Lihat juga 'Al-Mawṣu'ah al-Fiqhiyyah, *op.cit.*, hlm. 133

kemudiannya bercerai secara sah dengan suami keduanya. Ketika itu barulah si suami boleh mengahwini bekas isterinya selepas tamat waktu ‘iddahnya.⁵⁰

Fasakh pula boleh berlaku ke atas perkahwinan yang sah ataupun perkahwinan yang *fāsid* dalam pandangan syarak seperti perkahwinan di antara dua adik beradik muhrim atau susuan.⁵¹ Sekiranya *fasakh* diluluskan ke atas satu perkahwinan yang sah dengan alasan yang dibenarkan seperti suami tidak memberi nafkah, maka pasangan tersebut tidak boleh melakukan rujuk semasa dalam ‘iddah melainkan dengan menggunakan akad yang baru.⁵²

1.6.4 Perbezaan Dari Segi Bilangan Baki *Ṭalāq*

Sekiranya suami melafazkan satu *ṭalāq*, maka dia masih mempunyai dua lagi baki *ṭalāq* iaitu tiga *ṭalāq* termasuk *ṭalāq* tiga bagi setiap perkahwinan. Ini kerana di antara kesan *ṭalāq* ialah mengurangkan bilangan baki *ṭalāq* yang masih ada di tangan suami berdasarkan firman Allah yang bermaksud:⁵³

‘Ṭalāq (yang dapat dirujuk) itu dua kali. Sesudah itu suami diberi kelonggaran untuk rujuk kembali dengan baik atau hendak dilepaskan dengan baik juga.’

⁵⁰ Lihat al-Syirbīnī, *op.cit.*, hlm. 294. Lihat juga al-Dusūqī, *op.cit.*, hlm. 415. Lihat juga Dr. Muḥammad Muḥsin al-Syāfi‘ī, *op.cit.*, hlm. 34. Lihat juga Abū Zuhrah, *op.cit.*, hlm. 365. Lihat juga al-Syāzilī, Dr. Muḥammad Nabil Sa‘ad, 1989, *Ahkām al-Ushrah fi al-Fiqh al-Islamī*, Kaherah: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiah, hlm. 280-284

⁵¹ Lihat Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hlm. 343

⁵² Badrān, *op.cit.*, hlm. 176-177. Lihat juga Dr. Muḥammad Muḥsin al-Syāfi‘ī, *op.cit.*, hlm. 11

⁵³ Ayat 229 surah al-Baqarah

Sedangkan perceraian *fasakh* tidak menggugat apa-apa bilangan *ṭalāq* yang dimiliki oleh seseorang suami. Imam Syāfi'ī dan Ibn Qudāmah menyatakan bahawa; 'tiap-tiap *fasakh* di antara kedua suami isteri tidaklah dianggap sebagai *ṭalāq*, tidak dianggap satu *ṭalāq* dan tidaklah seterusnya'.⁵⁴

Ini bermakna apabila satu-satu perkahwinan disabitkan *fasakh* dan sebelumnya suami tidak pernah menceraikannya, apabila mereka berkahwin dengan akad yang baru, baki *ṭalāq* yang masih ada pada suami adalah seperti asal iaitu tiga *ṭalāq* tanpa ada sebarang perubahan.

1.6.5 Perbezaan Dari Segi Kesahan *Ṭalāq* Susulan di Dalam 'Iddah

Seorang suami yang menceraikan isterinya dengan *ṭalāq raj'ī*, kemudian menjatuhkan satu lagi *ṭalāq* semasa isteri di dalam 'iddah, maka sahlah *ṭalāq* nya yang kedua. Ini kerana semasa dalam 'iddah dari *ṭalāq raj'ī*, isteri dianggap masih mempunyai hubungan dengan suaminya dan *ṭalāq* yang menyusul adalah dikira sah dan terpakai ke atas isteri.⁵⁵ Manakala perceraian kerana *fasakh*, walaupun isteri tetap mempunyai 'iddah, tetapi *ṭalāq* yang dijatuhkan oleh suaminya sudah

⁵⁴ Al-Syāfi'ī, *al-Umm*, 1973, Beirut: Dār al-Ma'rifah, Jld. 5, hlm. 168. Lihat juga Ibn Qudāmah, *op.cit.*, Jld. 8, h. 143

⁵⁵ Al-Syirbīnī, *op.cit.*, hlm. 337-340. Lihat juga Dr. Muḥammad Muḥsin, *op.cit.*, hlm. 11

tidak mempunyai apa-apa kesan lagi.⁵⁶ Ini kerana mereka telah dianggap terputus dan tidak mempunyai apa-apa hubungan lagi selepas jatuhnya *fasakh* di antara mereka.

1.7 Kesimpulan

Islam memperuntukkan jalan bagaimana sesuatu perkahwinan itu perlu ditadbir untuk menjaga keharmonian hidup berkeluarga. Tetapi apabila rumahtangga sudah tidak dapat diselamatkan lagi dan tidak lagi menepati objektif perkahwinan, maka ia dibenarkan pula untuk ditamatkan. Pada dasarnya perpisahan dan perceraian bukanlah pilihan yang disukai dalam Islam tetapi demi kebaikan semua pihak, ada ketikanya ia diharuskan.

Perceraian secara *ṭalāq* adalah jalan terbaik yang dianjurkan iaitu suami dan isteri berpisah secara *ma'rūf*. Akan tetapi dalam beberapa keadaan di mana *ṭalāq* secara baik tidak dapat diperolehi sama ada kerana suami enggan menceraikan isteri atau suami menghilangkan diri ataupun apa-apa sebab lain yang wajar mengikut syarak, maka Islam memberikan hak kepada kaum wanita untuk memutuskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan kuasa mahkamah. Ini sebenarnya bertujuan untuk menjaga kebajikan kaum wanita dari terus dizalimi dan menderita hasil dari hubungan yang tidak bahagia.

⁵⁶ Lihat al-Zuhaylī, *op.cit.*, hlm. 349